



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	25/7/2018	MUKA SURAT	:	41
JABATAN	:	UMUM / IWK			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

IWK raikan pelanggan

Beri hadiah percutian, kereta kepada pemenang 'Peraduan Bayar dan Menang'

Buat julung kalinya, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) meraikan pelanggan dengan mengumumkan para pemenang bagi pusingan pertama Peraduan Bayar dan Menang yang telah berlangsung dari 1 April hingga 31 Mei lalu.

Pada pusingan pertama ini telah menyaksikan 10 pemenang dipilih melalui sistem pilihan rawak secara berkomputer, yang memenangi pakej percutian selama empat hari ke Gold Coast, Australia.

Majlis penyampaian hadiah telah diadakan baru-baru ini di ibu pejabat IWK dan disempurnakan oleh Ketua Pegawai Operasi, Ir Mohamed Haniffa Abdul Hamid.

Peraduan Bayar dan Menang yang diperkenalkan awal tahun ini adalah salah satu kempen bagi menggalakkan pembayaran bil perkhidmatan pembedaan sekali



Para pemenang Peraduan Bayar dan Menang pusingan pertama bergambar dengan Ir Mohamed Haniffa Abdul Hamid (tujuh, kiri) dan pihak pengurusan IWK. (Foto: Sumber IWK)

gus menghargai para pelanggan yang setia menyokong perkhidmatan IWK.

Pelanggan IWK telah dimaklumkan mengenai peraduan ini melalui bil perkhidmatan pembedaan selain pengumuman di laman web www.iwk.com.my dan sosial media.

Lebih daripada 11,000 penyertaan diterima untuk pusingan pertama dan dijangka lebih ramai lagi pelanggan IWK akan menyertai pusingan kedua yang telah bermula sejak 1 Jun lalu dan berakhir pada 31 Ogos ini.

Kali ini, pemenang pusingan kedua akan memenangi pakej percutian ke Osaka, Jepun dan yang

lebih menarik, semua pelanggan menyertai peraduan ini tidak kira bagi pusingan pertama atau kedua, turut berpeluang memenangi hadiah utama iaitu sebuah kereta Perodua Myvi.

Bagi pelanggan yang mendaftar untuk perkhidmatan IWK e-Bill, mereka juga akan mendapat lebih banyak peluang memenangi hadiah-hadiah tersebut.

Cara penyertaan peraduan adalah amat mudah iaitu pelanggan hanya perlu menjelaskan bil perkhidmatan pembedaan IWK (tunggakan sifar) dan lengkapkan borang peraduan di <https://www.iwk.com.my/bayardanmenang>.

Senarai pemenang pusingan pertama Peraduan Bayar dan Menang:

- Law Pik Yang dari Kuala Lumpur
- Muhamad Amirul Fadzly Bin Mohd Hanapiah dari Johor Bahru
- Ho Chui Ling dari Selangor
- Chung Soot Fong dari Kuala Lumpur
- Mohammad Annas Bin Sabarudin dari Perak
- Mesnan Bin Supa'ad dari Selangor
- Norfarizah Binti Yaakob dari Selangor
- Alias Sukri Bin Khairudin dari Melaka
- Zanariah Binti Hamid dari Selangor
- Han Chiang Duye dari Selangor